



TERIMA KASIH: Kasim (kiri) menerima cenderahati daripada Hajiji (kanan) sempena kunjungan itu.

Naib Canselor baharu UMS adakan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sabah

UB 15.10.2022 P.08

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Kasim Haji Mansor mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Mohd Noor dipejabatnya di sini, kelmarin.

Kunjungan tersebut merupakan kali yang pertama selepas lantikan Kasim sebagai Naib Canselor ke-7 pada 3 Oktober lalu.

Antara yang dibincangkan termasuklah kesediaan UMS dalam membantu kerajaan negeri Sabah untuk menjayakan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ).

Menurut Kasim, pihak universiti juga sentiasa

bersedia untuk menyumbang dari segi kepakaran, penyelidikan dan buah fikiran untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Sabah.

Pada kunjungan itu, beliau turut memberi taklimat ringkas berkaitan aktiviti dan sesi kemasukan pelajar baharu 2022/2023 yang kini sedang menjalani Minggu Suai Mesra di UMS.

Untuk rekod, Hajiji dijadualkan untuk bersama pelajar-pelajar baharu UMS dalam Majlis Ikbar dan Aku Janji yang akan berlangsung di Dewan Canselor esok (14 Oktober 2022).

Hadir sama dalam rombongan kunjungan hormat itu ialah pegawai-pegawai utama dan kanan UMS.